

PROJEK PENGKOMPUTERAN
SISTEM PEMASARAN IKAN DI KOMPLEKS GETING, KELANTAN

SEPATAH DUA KATA

Projek kajian kesauran untuk tujuan mengkomputerankan Pengurusan Tapak Pendaratan Ikan Geting, Kelantan ini dijalankan oleh kumpulan yang terdiri dari tiga pelajar Luar Kampus ITM Kursus Lepasan Ijazah (Diploma System Analisis). Kumpulan ini dianggotai oleh :

1. En Kamaruddin Kelewon

Beliau yang berkelulusan Advance Diploma In Accountancy (ITM) bertugas di Jabatan Perakaunan Ibu Pejabat Lembaga Kemajuan Ikan, Jalan Raja Laut Kuala Lumpur.

2. En Mohd Indra Ramin

Beliau yang berkelulusan Sarjana Muda Kejuruteraan (Electric) dari United Kingdom bertugas sebagai Jurutera di Jabatan Kerja Raya Kuala Lumpur.

3. En Sofian Shafie

Beliau yang berkelulusan Sarjana Muda Ekonomi (Statistik) UKM bertugas di EDP (United Malayan Banking Corporation Berhad, Ibu Pejabat).

PROJEK PENGKOMPUTERAN
SISTEM PEMASARAN IKAN DI KOMPLEKS GETING, KELANTAN

Memandangkan latarbelakang ahli yang berbeza kami terpaksa membahagikan tugas dikalangan kami sesuai dengan kebolehan, pengalaman dan minat supaya menghasilkan kerja yang memuaskan. Walaupun demikian kami tetap membahaskan bersama bagi tiap-tiap idea yang dikeluarkan sebelum didokumentasikan.

Semua perbincangan diadakan pada tiap-tiap hari Ahad dan cuti umum di Cheras, Kuala Lumpur. Ini adalah kerana masalah masa yang mana semua ahli sudah bekerja dan berkeluarga.

Apabila sesuatu cadangan itu telah dipersetujui oleh ahli atau timbul sesuatu masalah, kami akan merujuk kepada projek koordinator (En Kamaruddin Sulaiman) dan Pensyarah Kursus (Puan Marinie Osman) untuk mendapatkan penjelasan selanjutnya.

Oleh itu kami bertiga mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada kedua-dua pensyarah tersebut diatas dorongan, galakkan dan tunjuk ajar mereka bagi menjayakan projek ini.

Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada isteri-isteri kami yang bukan sahaja memberi dorongan dan perangsang tetapi juga bersifat toleransi yang sangat-sangat kami hargai. Maklum sajalah, tiap-tiap malam kalau tidak ke kelas dan hari minggu serta cuti umum, terpaksa bertungkus lumus dengan projek.

Projek ini walaupun boleh dikatakan lengkap (iaitu merangkumi semua aspek pentadbiran di Tapak Pendaratan Ikan Geting, Kelantan) mungkin tidak begitu terperinci. Namun demikian ia adalah diharapkan dapat memenuhi kehendak kursus ini dan mungkin sebagai asas kepada Tapak Pendaratan itu sendiri sekiranya pihak pengurusan LKIM benar-benar ingin mengkomputerankan Tapak tersebut.

Terima kasih.

**PROJEK PENGKOMPUTERAN
SISTEM PEMASARAN IKAN DI KOMPLEKS GETING, KELANTAN**

**JADUAL KANDUNGAN
FASA PENGENALAN**

TARIKH : MAY '89

INDEX KANDUNGAN

- | | |
|---|--------------------------------|
| 1 | LATAR BELAKANG ORGANISASI LKIM |
| 2 | OBJEKTIF LKIM |
| 3 | TUGAS-TUGAS LKIM |
| 4 | STRUKTUR ORGANISASI LKIM |
| 5 | SKOP PROJEK |
| 6 | PERUBAHAN YANG DICADANGKAN |
| 7 | KEPERLUAN MAKLUMAT |

**PROJEK PENGKOMPUTERAN
SISTEM PEMASARAN IKAN DI KOMPLEKS GETING, KELANTAN**

1. LATAR BELAKANG

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) adalah salah sebuah Badan Berkanun dibawah Kementerian Pertanian Malaysia yang ditubuhkan pada 1 November 1971 dibawa Akta 49, Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, 1971 (termasuk semua pindaan sehingga 1977).